

16 APR 1998

Mahathir-MB Selangor (Bergambar)

TAK SALAH MB SELANGOR TINGGAL DI HOTEL SEMENTARA RUMAH SIAP

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, adalah tidak salah bagi Datuk Abu Hassan Omar untuk tinggal di hotel sementara menunggu kerja-kerja pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor siap.

Perdana Menteri berkata, anggota-anggota pentadbiran kerajaan termasuk Menteri-menteri dan Menteri Besar sememangnya dibenarkan tinggal di hotel sementara menunggu sama ada kediaman rasmi mereka siap atau sehingga mendapat peruntukan kediaman rasmi.

"Saya dulu pun sebelum dapat rumah, saya duduk di hotel. Masa saya jadi Menteri Pelajaran, saya duduk di Hotel Mirama (sehingga mendapat kediaman rasmi kerajaan)," katanya ketika ditanya pemberita selepas beliau melakukan kunjungan hormat terhadap Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, di hotel penginapannya di sini.

Semalam, Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor diberitahu bahawa kerajaan negeri telah membelanjakan RM40,000 bagi membiayai penginapan Abu Hassan selama 125 hari di Hotel Radisson, Shah Alam sementara menunggu kediaman Menteri Besar Selangor itu siap diubahsuai.

Hari ini pula, sebuah akhbar harian melaporkan tuntutan penginapan dan perbelanjaan Abu Hassan sepanjang tempoh penginapan itu, termasuk bagi pemandunya yang diberi kelayakan sama dengan pegawai Kumpulan A, adalah sebanyak RM75,000.

Sehubungan itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dilaporkan sudah memulakan siasatan bagi melihat kemungkinan wujud penyalahgunaan wang kerajaan negeri dan tuntutan palsu kerana terdapat perbezaan dalam jumlah yang dibelanjakan untuk tujuan berkenaan.

Ketika diminta mengulas mengenai perbezaan dalam jumlah tuntutan itu dan siasatan yang sedang dijalankan oleh BPR, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu yang itu, jadi saya tak berani nak tegur sebab saya tak tahu apa-apa."

Perdana Menteri turut ditanya mengenai kelewatan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri mengadakan mesyuarat bagi menangani krisis bekalan air di beberapa negeri sedangkan masalah itu memerlukan tindakan segera untuk diselesaikan.

Dr Mahathir berkata, soal kesegeraan untuk menyelesaikan krisis bekalan air hanyalah dirasai di kawasan Lembah Klang.

"Yang (mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri) itu hanya untuk menentukan dasar. Itu sedang diteruskan tetapi tentang nak tolong menolong (antara negeri-negeri untuk mengatasi krisis bekalan air) tiada masalah," katanya.

Semalam, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang juga pengerusi mesyuarat itu berkata mesyuarat itu mungkin diadakan pada bulan depan atau Jun ini.

Perdana Menteri berkata, perbincangan perlu diadakan terlebih dahulu sebelum kerjasama antara negeri-negeri dalam soal bekalan air dapat dibentuk.

Beliau berkata, konsep jual-beli air antara negeri-negeri yang digunakan dalam kerjasama itu pula perlu kerana pembekalan air merupakan sumber pendapatan mereka.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan hampir sejam dengan Museveni yang tiba di sini semalam untuk lawatan negara selama empat hari.

-- BERNAMA.

AH PR